

**MH370: Isyarat yang dikesan beri sedikit harapan – Ketua JACC
Astro Awani
6 April 2014**

PERTH: Kapal peronda China, Haixun mengesan dua isyarat akustik dalam 36 jam lalu, kata ketua Pusat Penyelarasan Agensi Bersama (JACC), Angus Houston.

"Kapal tersebut mengesan dua isyarat dan memberikan sedikit harapan," katanya pada sidang media, di sini, sebentar tadi.

Houston berkata, selain kapal Haixun, kapal perang Australia Ocean Shield turut mengesan isyarat kira-kira 300 batu dari kapal China.

Katanya, dengan perkembangan tersebut, kapal HMS Echo sudah dikerah ke lokasi kapal China Haixun 01 untuk mengesahkan sama ada isyarat itu ada kaitan dengan MH370.

Pada Sabtu, agensi berita Xinhua melaporkan kapal peronda China, Haixun mengesan isyarat getaran dengan frekuensi 37.5 kHz di kawasan carian pesawat penerbangan MH370 di selatan Lautan Hindi.

Pesawat Boeing 777-200ER itu membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 tengah malam 8 Mac lepas dan sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi hari yang sama.

Namun penerbangan MH370 itu hilang daripada radar kira-kira sejam kemudian ketika di ruang udara Laut China Selatan.

Operasi mencari dan menyelamatkan dilancar di Laut China Selatan dengan membabitkan pelbagai negara sebelum diperluaskan ke bahagian barat Semenanjung Malaysia termasuk ke Laut Andaman dan Lautan Hindi selepas terdapat penemuan menunjukkan MH370 mengubah haluan jauh daripada laluan asal.

Pada 24 Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan penerbangan MH370 "berakhir di selatan Lautan Hindi" berdasarkan analisis data satelit Inmarsat dan siasatan Cawangan Siasatan Kemalangan Udara United Kingdom.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/mh370-isyarat-yang-dikesan-beri-sedikit-harapan-ketua-jacc-33314?cp>